



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتَنَ حَالِ الْاَهْوَالِ اِكَامَرِ اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

26 RABIULAWAL 1447H / 19 SEPTEMBER 2025M

“MASJID: MADRASAH KEPIMPINAN UMAT”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾ (التوبة: 18)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِالتَّقْوَى اللَّهِ.

فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Khatib ingin menyeru diri sendiri dan para hadirin sekalian agar terus menerus berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menghayati nilai-nilai takwa yang sejati. Iaitu dengan menunaikan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Seruan dan ingatan juga ditujukan kepada sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT sekalian, agar tidak melakukan perkara-perkara yang melalaikan yang boleh menjejaskan nilai ibadah Jumaat kita pada hari ini. Justeru itu, marilah bersama kita menghayati intipati khutbah yang bertajuk: ***“Masjid: Madrasah Kepimpinan Umat”***.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Masjid merupakan rumah Allah SWT. Masjid juga merupakan tempat di mana umat Islam melaksanakan ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Namun, tidak setakat itu, institusi masjid juga berperanan sebagai madrasah membentuk kepimpinan umat.

Sejarah telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah menjadikan Masjid Nabawi sebagai pusat tarbiah dan kepimpinan. Dari sinilah lahirnya generasi sahabat yang bukan sahaja hebat dalam ibadah khusus, bahkan menjadi pemimpin, panglima perang, ilmuwan, pentadbir dan pendakwah yang menyinari dunia.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 18, yang dibacakan pada mukadimah khutbah sebentar tadi yang **bermaksud**: *“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”*

SAUDARA JEMAAH JUMAAT YANG DIREDHAI ALLAH,

Masjid sebagai madrasah kepimpinan umat dapat dilihat dari beberapa aspek penting seperti berikut :-

Pertama: Aspek Rohani. Masjid mendidik hati dengan takwa yang sepatutnya dapat membentuk pemimpin yang jujur dan berakhlak. Ia juga berfungsi sebagai tempat memperkukuh iman, mencari ketenangan jiwa serta mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui ibadah dan zikir.

Kedua: Aspek Keilmuan. Masjid boleh menjadi pusat ilmu yang dapat melahirkan pemimpin yang berwawasan dan berfikiran luas serta bijaksana. Dengan penganjuran kuliah-kuliah dan kelas-kelas pengajian yang bukan sekadar sebagai pengisian, bahkan ianya boleh menjadi tempat penyebaran dan penguasaan ilmu pengetahuan.

Ketiga: Aspek Sosial. Masjid boleh menyatupadukan masyarakat, membina ukhuwah dan kesatuan umat. Masjid bukan tempat untuk kepentingan tertentu memperluaskan pengaruh hingga terjadi perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku seperti perebutan jawatan pengerusi dan seumpamanya.

Keempat: Aspek Pentadbiran dan kewangan. Institusi masjid mengajar nilai-nilai amanah dan bertanggungjawab dalam mengurus harta dan

organisasi. Kerana sumbangan yang diperolehi melalui tabung-tabung masjid hendaklah diurus dengan sebaiknya dengan mengambil kira aspek pengurusan kewangan yang telus dan tepat.

Orang yang menjadikan hatinya tertaut dengan masjid, maka dialah yang berpotensi untuk menjadi pemimpin berjiwa Islam sejati.

PARA JEMAAH YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Akan tetapi mutakhir ini, kita sering mendengar dan mendapati ada juga dalam kalangan umat Islam yang cuba menjadikan institusi masjid sebagai platform meraih keuntungan dan kepentingan sendiri. Pentadbiran dan kewangan masjid tidak diurus dengan sebaiknya menyebabkan institusi ini menjadi tohmahan masyarakat dan akhirnya memperlihatkan nilai yang tidak baik terhadap Islam.

Justeru itu, marilah kita kembalikan peranan masjid sebagai madrasah kepimpinan umat. Jangan biarkan peranan masjid hanya cukup dengan pelaksanaan solat fardhu sahaja, akan tetapi, makmurkanlah ia dengan majlis-majlis ilmu, aktiviti dakwah dan kemasyarakatan, program remaja serta usaha-usaha lain ke arah penyatuan dan kepimpinan umat.

Kepimpinan yang baik ialah kepimpinan yang mencontohi Rasulullah SAW iaitu adil, berakhlak, penuh kasih sayang serta mengutamakan kepentingan umat. Pemimpin peringkat masjid sama ada imam, ahli jawatankuasa atau penggerak masyarakat adalah ra'in (penjaga) yang akan ditanya tentang amanahnya. Masjid yang diurus dengan ikhlas dan penuh hikmah akan melahirkan masyarakat beriman, berilmu dan berakhlak mulia. Sabda Nabi SAW:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَإِلِمَامُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: “Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, kesemuanya bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Imam adalah pemimpin ke atas orang ramai dan dia bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya.” (H.R al-Bukhari)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Bencana hujan dan ribut yang mengakibatkan tanah runtuh dan seumpamanya yang berlaku adalah fitrah alam yang tidak dapat ditolak oleh manusia. Oleh itu, marilah kita memohon keampunan Allah SWT dan berdoa agar mangsa dan keluarga mangsa diberikan ketabahan menghadapi ujian berat Ilahi.

Firman Allah SWT dalam surat at-Taubah ayat 51 **yang bermaksud:**
“Katakanlah: Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal.”

فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه

دولي یغ مها مولیا سري قادوک بکیندا یغ دثرتوان اکوغ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَان یغ تراوتام یغ دثرتوا نکري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بِلَادِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah
Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah serta berkatilah kehidupan, negeri dan juga negara
kami. Lindungi dan hindari kami daripada bala bencana, penyakit
berjangkit serta kemusnahan dan kerosakan alam juga harta benda.
Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji.
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah
mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam
bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan
berinfak pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu
jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَذْكُرُوا اللَّهَ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan
cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.